SIKAP DUNLOP ESTATE DIBIDAS

Exco Pemuda menemui Dr. Mahathir 10 November

Oleh FARUSH KHAN
Pekan, Sabtu

EXCO Pemuda UMNO Malaysia akan menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, 10 November ini untuk menyampaikan hasrat mereka supaya sektor syarikat milik Bumiputera diberi keutamaan dalam pembelian saham dari syarikat asing di negara ini.

Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda UMNO, Datuk Najib Tun Razak, yang menegaskan demikian, berkata pergerakannya berpendapat ini amat penting sebagai satu dari strategi mencapai 30 peratus ekuiti Bumiputera selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Dalam perjumpaan dengan Perdana Menteri itu, pergerakannya juga akan menjelaskan sebab-sebab mereka menolak formula usahasama Multi Purpose Holdings (MPH) dalam mengambilalih Dunlop Estate baru-baru ini.

Datuk Najib yang dalam lawatan dua hari ke sini menerangkan EXCO Pemuda UMNO Malaysia membuat penolakan itu disebabkan ia bertentangan dengan hasrat penyertaan 30 peratus Bumiputera dalam sektor perbadanan.

Datuk Najib yang juga Timbalan Menteri Kewangan berkata, pembelian saham untuk Bumiputera dalam usahasama itu tidak mencapai kadar yang memuaskan.

"Penyertaan yang lebih sangat perlu untuk meningkatkan ekuiti 12.4 peratus sekarang yang ada di tangan Bumiputera dalam sektor perbadanan di negara ini," ujarnya.

Menurut Datuk Najib, penolakan itu berdasarkan keseluruhan saham milik Bumiputera dalam Dunlop Estate yang hanya 40.4 peratus walaupun syarikat usahasama itu mempunyai 50 — 50.

Penolakan itu yang dibuat dalam mesyuarat khas di bangunan Parlimen, Selasa lalu disetujui oleh Pengerusi PEGI, Encik Ghafar Baba yang juga Naib Presiden UMNO.

Pergerakan itu berharap Jawatankuasa Pelaburan Asing menerima pandangan murni mereka demi kepentingan DEB.

PEGI Malaysia Berhad adalah syarikat bertaraf Bumiputera, sementara MPH dimiliki oleh MCA. Syarikat usahasama itu ditubuhkan untuk mengambilalih Dunlop Estate yang mempunyai 58,500 ekar ladang di Malaysia.

Mereka telah mengumumkan pengambilanalih tersebut pada 29 September lalu, setelah persetujuan dicapai di Zurich dengan pihak Dunlop Estate Berhad.

Jumlah wang terlibat untuk hak milik Dunlop Estate ialah 51 peratus, melibatkan $211.025 juta dengan nilai $5.57 setiap saham.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Haji Suhaimi bin Haji Kamaruddin, yang mempengerusikan mesyuarat itu telah membidas sikap Dunlop Estate kerana tidak menawarkan terlebih dahulu penjualan saham mereka kepada institusi Bumiputera.

Beliau menyesali perbuatan seperti itu kerana mereka sepatutnya sudah memahami DEB memandangkan mereka sudah lama berniaga di Malaysia.

"Perbuatan itu seolah-olah untuk menjalankan sistem pecah dan perintah seperti yang diamalkan oleh mereka (British) di zaman penjajahan dahulu."

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia